

# Tingkat pendidikan kaum India

Kerjasama MIC Kluang, UTHM bantu pelajar terpilih sambung pelajaran peringkat sarjana, doktor falsafah

**KLUANG** - MIC Kluang bekerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengadakan projek untuk pelajar India menyambung pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah (phd).

Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan UTHM, Profesor Madya Dr David Martin @ Daud Juanil berkata, kemudahan khusus diberikan bagi menjalankan penyelidikan pembangunan kaum tersebut di daerah ini.

Beliau berkata, melalui projek dilaksanakan, pihaknya menyediakan latihan pembelajaran kepada pelajar berkecukupan bagi menjalankan penyelidikan isu sosial masyarakat India di Kluang.

"Projek dilaksanakan ini merupakan program kerjasama pertama kami dengan MIC Kluang dan dikendalikan Kumpulan Penyelidik Pembangunan Lestari

Komuniti yang terdiri daripada lima pensyarah UTHM.

"Fokus utama kita pembangunan komuniti, sosial ekonomi dan cara mengatasi masalah dialami masyarakat India di Kluang yang dikenal pasti MIC Kluang," katanya selepas sesi penerangan di Pejabat MIC bahagian Kluang, semalam.

David berkata, MIC akan mengadakan temu duga bagi memilih pelajar yang berkecukupan menjalankan penyelidikan di peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Beliau berkata, pihaknya mahu pelajar terpilih lebih dekat dengan komuniti dan mudah berinteraksi dengan masyarakat.

"Data yang diterima boleh diguna pakai bagi membangunkan komuniti berkenaan kerana kita mahu komuniti India di daerah ini membuka minda seiring kemajuan negara.



David@Daud (tengah) ketika sesi penerangan kepada MIC Kluang.

"Data yang diperoleh itu mungkin akan boleh digunakan untuk menyelidik kaum lain di kawasan lain, tetapi pada permulaan, kami mengadakan penyelidikan khusus untuk komuniti India di Kluang," katanya.

Katanya, bagi pelajar terpilih mengikuti kursus di peringkat sarjana, masa di-

ambil untuk menjalankan penyelidikan antara setahun setengah hingga dua tahun.

Beliau berkata, bagi pelajar di peringkat doktor falsafah pula dijangka dapat menyelesaikan pengajian dalam tiga tahun.

"Pelajar berkenaan akan menghadiri kelas seperti pelajar lain di peringkat sarjana

dan doktor falsafah, tetapi ketika mengadakan penyelidikan, ada seorang pensyarah dilantik untuk memantau hasil kerja mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua MIC Bahagian Kluang, G Raman berkata, pihaknya akan menghantar 40 pelajar layak menyertai program tersebut.

"Diharapkan setiap pelajar

yang melepasi ujian saringan dan pemilihan dapat memberi tumpuan terhadap pelajaran mereka sehingga mencapai kelulusan disasarkan.

"Kesempatan ini juga seharusnya digunakan sepenuhnya pelajar terbabit untuk membuktikan bahawa mereka juga mampu berdiri setanding pelajar lain," katanya.